

JUDUL : Berita Harian

TARIKH : Selasa, 14 Jun 2016

M/S : b6

b6

aura.

Oleh Syalikha Sazili
syalikha@bh.com.my

Selasa, 14.06.2016 BH

keibubapaan.

Pelbagai aktiviti
yang dijalankan
di PNM bagi
menghabiskan masa
hujung minggu.



Seronok kunjungi perpustakaan

info

Singgah Santai

- Kali ketiga diadakan.
- Matlamat untuk menarik dan menggalakkan lebih ramai masyarakat datang berkunjung ke perpustakaan, sekali gus dapat menarik minat mereka untuk terus membaca.
- Aktiviti - pengisian ilmu dan interaktif seperti pameran, jualan dan konsert mini.

Program Singgah Santai PNM berikan banyak manfaat, keluarga habiskan masa hujung minggu

Pengisian ilmu dan pelbagai program interaktif yang diadakan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) menerusi Singgah Santai, baru-baru ini menarik untuk disertai anak muda serta keluarga bagi menghabiskan masa hujung minggu bersama.

Justeru, kebanyakan ibu bapa tidak lokek menghabiskan masa dan memanaskan anak masing-masing serta memberikan galakan untuk menyertai pelbagai aktiviti diadakan sepanjang program itu berlangsung.

Pegawai eksekutif syarikat swasta, Fardzila Karim, 39, berkata, konsep santai diketengahkan, membuatkan perpustakaan lebih mesra pelanggan dan kanak-kanak juga seronok menjalani pelbagai aktiviti.

Katanya setiap kali program Singgah Santai diadakan beliau bersama tiga anaknya, Muhammad Zakuhan Adam Zulkifli, 12, Muhammad Iman Idris, 10 dan Nur

Farisha Aleya, 9, masing-masing tidak melepaskan peluang untuk turut serta.

"Saya menghargai program seperti ini kerana keluarga boleh meluangkan masa bersama di samping merapatkan hubungan silaturahim. Apa yang penting, minat membaca juga boleh diterapkan dengan mudah apabila mereka selalu berada di sini," katanya ketika ditemui, baru-baru ini.

Dapat nilai tambah
Anaknya, Muhammad Zakuhan Adam, berkata aktiviti bermain permainan tradisional antara perkara utama menyebabkan beliau tertunggu-tunggu untuk turut serta.

"Jika bersama rakan saya banyak menghabiskan masa bermain permainan menggunakan ejek. Sekali sekala seronok bermain dengan permainan tradisional seperti guli, gasing dan batu seremban," katanya.

Bagi Pegawai Eksekutif

Teknologi Maklumat di syarikat swasta, Yugeswaran Govindarajah, 39, berkata pengunjung perpustakaan mendapat nilai tambah sekiranya hadir ke program Singgah Santai.

Beliau yang juga ahli PNM sering membawa anak tunggalnya, Satyajothey Yugeswaran, 8, untuk memupuk budaya membaca.

"Apa yang saya dapat program kali ini turut mendedahkan masyarakat khususnya anak muda kepada bidang kerja. Gerai seperti pameran maritim dan saintis muda menarik minat anak saya untuk mendalami bidang itu."

"Sungguhpun anak masih kecil tetapi minatnya cenderung terhadap sains dan program ini amat bersesuaian untuknya," katanya.

Teruja buat pasu

Pelajar, Nabila Mahfuzah, 11, berasal dari Ampang mengambil kesempatan untuk mencuba pelbagai aktiviti



Fardzila bersama anak berkunjung ke PNM untuk mengisi ilmu.